

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

[ ( ) ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 41 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pengurus" dalam seksyen itu dan dalam nota birainya perkataan-perkataan "atau ketua tempat mengundi". Pindaan seksyen 41. Akta 5.
3. Akta ibu adalah dipinda, dalam teks Bahasa Malaysia, dengan menggantikan perkataan-perkataan "pegawai pengetua" di mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan-perkataan "ketua tempat mengundi\*". Pindaan am.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 41 Akta bagi memperuntukkan tentang kemuktamadan keputusan ketua tempat mengundi dalam menolak kertas-kertas undi semasa pengiraan undi bagi maksud sesuatu petisyen pilihanraya. Pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 3* adalah berbangkit daripada penukaran nama sebutan "pegawai pengetua" kepada "ketua tempat mengundi".

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (IP) 1506.]